

**D.R. 31/91**

**Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia**

**RANG UNDANG-UNDANG ORGANISASI  
ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN  
DAN KEKEBALAN) 1991**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Organisasi antarabangsa dan organisasi seberang laut.
4. Keistimewaan dan kekebalan organisasi antarabangsa dan orang tertentu.
5. Keistimewaan dan kekebalan wakil yang menghadiri persidangan antarabangsa tertentu atau yang terlibat dalam misi di Malaysia.
6. Keistimewaan dan kekebalan hakim dan pegawai dan orang yang terlibat dalam urusan di hadapan, Mahkamah Keadilan Antarabangsa.
7. Perakuan oleh Menteri.
8. Penarikan balik keistimewaan dan kekebalan wakil negara yang tidak memberikan layanan salingan.
9. Perlindungan bagi nama, dll., organisasi antarabangsa.
10. Kebenaran memegang tanah di Persekutuan.
11. Peraturan.
12. Pemansuhan dan pindaan.

JADUAL.



## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta yang berhubungan dengan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan organisasi-organisasi antarabangsa tertentu dan orang-orang yang ada kaitan dengannya, dan bagi maksud-maksud lain.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen., dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"ketua utusan" ertinya ketua utusan mengikut pengertian Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966; Akta 2411966.

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi hal-ehwal luar negeri;

"organisasi antarabangsa" ertinya organisasi yang diisytiharkan menjadi organisasi antarabangsa oleh peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 3(1), dan termasuklah—

- (a) sesuatu organ, atau pejabat di dalam, sesuatu organisasi yang diisytiharkan sedemikian;
- (b) sesuatu suruhanjaya, majlis atau badan lain yang ditubuhkan oleh organisasi atau organ sedemikian; dan
- (c) sesuatu jawatankuasa, atau jawatankuasa kecil bagi sesuatu jawatankuasa, dalam organisasi, organ, suruhanjaya, majlis atau badan sedemikian;

"organisasi seberang laut" ertinya organisasi yang diisytiharkan menjadi organisasi seberang laut oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen 3(2), dan termasuklah—

- (a) sesuatu organ, atau pejabat di dalam, sesuatu organisasi yang diisytiharkan sedemikian;
- (b) sesuatu suruhanjaya, majlis atau badan lain yang ditubuhkan oleh organisasi atau organ sedemikian; dan
- (c) sesuatu jawatankuasa, atau jawatankuasa kecil bagi sesuatu jawatankuasa, dalam organisasi, organ, suruhanjaya, majlis atau badan sedemikian;

"pegawai tinggi" ertinya seseorang yang memegang, atau yang melaksanakan tugas-tugas, jawatan yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan sebagai jawatan tinggi dalam sesuatu organisasi antarabangsa;

"peraturan" ertinya peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"persatuan" ertinya sesuatu persatuan atau sesuatu badan atau kumpulan lain orang, sama ada diperbadankan atau tidak;

"persidangan antarabangsa" ertinya persidangan yang dihadiri oleh seseorang yang mewakili Malaysia dan—

- (a) seseorang yang mewakili sesuatu negara selain daripada Malaysia; atau
- (b) seseorang yang mewakili sesuatu organisasi antarabangsa atau sesuatu organisasi seberang laut,

sama ada atau tidak ia juga dihadiri oleh seorang atau orang-orang lain.

(2) Bagi maksud-maksud Akta ini, seseorang yang menjadi, atau yang pernah dalam mana-mana tempoh masa menjadi, anggota sesuatu organ dalam sesuatu organisasi antarabangsa tetapi tidak, atau tidak pernah dalam tempoh itu, ditauliahkan kepada organ itu sebagai wakil—

- (a) sesuatu negara;
- (b) sesuatu organisasi antarabangsa; atau
- (c) sesuatu organisasi seberang laut;

hendaklah disifatkan telah, atau telah pernah dalam tempoh itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, ditauliahkan sedemikian sebagai wakil negara yang dia menjadi rakyatnya.

(3) Bagi maksud-maksud Akta ini—

- (a) wakil silih ganti atau timbalan atau pengganti seseorang wakil sesuatu negara anggota organisasi antarabangsa atau organisasi seberang laut; dan
- (b) penasihat kepada, atau pakar yang membantu, wakil sedemikian,

hendaklah setiap seorangnya disifatkan sebagai kakitangan rasmi wakil itu.

(4) Sebutan-sebutan dalam Akta ini mengenai negara-negara hendaklah dibaca sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai kerajaan negara-negara.

Organisasi  
antarabangsa  
dan  
organisasi  
seberang laut.

3. (1) Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan, mengisytiharkan sesuatu organisasi—

(a) yang dianggotai oleh Malaysia dan suatu negara atau negara-negara selain daripada Malaysia; atau

(b) yang dibentuk oleh seorang atau orang-orang yang mewakili Malaysia dan seorang atau orang-orang yang mewakili suatu negara atau negara-negara selain daripada Malaysia,

menjadi suatu organisasi antarabangsa.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan, mengisytiharkan—

(a) sesuatu organisasi yang anggota-anggotanya ialah negara-negara seberang laut di dalam suatu rantau geografi tertentu;

(b) sesuatu organisasi yang dibentuk oleh orang-orang yang mewakili negara-negara seberang laut di dalam suatu rantau geografi tertentu; atau

(c) suatu organisasi yang ditubuhkan, atau suatu kumpulan organisasi yang dibentuk, oleh—

(i) organisasi-organisasi yang anggota-anggotanya ialah negara-negara seberang laut di dalam suatu rantau geografi tertentu; atau

(ii) organisasi-organisasi yang dibentuk oleh orang-orang yang mewakili negara-negara seberang laut di dalam suatu rantau geografi tertentu,

menjadi suatu organisasi seberang laut.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), sesuatu organisasi tidak boleh diisytiharkan menjadi organisasi seberang laut jika—

- (a) Malaysia menjadi anggota organisasi itu; atau
- (b) organisasi itu dibentuk oleh seorang atau orang-orang yang mewakili Malaysia dan seorang atau orang-orang yang mewakili suatu negara atau negara-negara selain daripada Malaysia.

4. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, dan kepada subseksyen 11(3), 11(4) dan 11(5), Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan sama ada dengan atau tanpa sekatan atau setakat atau tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu—

Keistimewaan dan kekebalan organisasi antarabangsa dan orang tertentu.

- (a) memberi sesuatu organisasi antarabangsa—
  - (i) keperibadian juridikal dan keupayaan undang-undang yang perlu bagi menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan fungsi-fungsi organisasi itu; dan
  - (ii) semua atau mana-mana keistimewaan atau kekebalan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;
- (b) memberi—
  - (i) seseorang yang menjadi atau yang sedang melaksanakan kewajipan-kewajipan seorang pegawai tinggi semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kedua; dan
  - (ii) seseorang yang tidak lagi menjadi atau melaksanakan kewajipan-kewajipan seorang pegawai tinggi kekebalan-kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kedua;
- (c) memberi—
  - (i) seseorang yang ditauliahkan kepada atau yang hadir di sesuatu persidangan

antarabangsa yang diadakan oleh sesuatu organisasi antarabangsa sebagai wakil—

- (A) suatu negara selain daripada Malaysia;
  - (B) suatu organisasi antarabangsa yang lain; atau
  - (C) suatu organisasi seberang laut, semua atau mana-mana keistimewaan atau kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Ketiga;
- (ii) seseorang yang tidak lagi ditauliahkan kepada organisasi sedemikian, atau yang telah hadir di persidangan sedemikian, sebagai wakil sedemikian kekebalan-kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Ketiga;

(d) memberi—

- (i) seseorang (yang bukan pegawai tinggi) yang memegang jawatan dalam sesuatu organisasi antarabangsa semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Keempat; dan
- (ii) seseorang yang tidak lagi memegang jawatan sedemikian kekebalan-kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Keempat; dan

(e) memberi—

- (i) seseorang yang sedang berkhidmat dalam sesuatu jawatankuasa, atau yang sedang mengambil bahagian dalam kerja, sesuatu organisasi antarabangsa atau yang sedang melaksanakan suatu misi bagi pihak organisasi sedemikian sama ada seorang diri atau bersama dengan orang lain semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kelima; dan

- (ii) seseorang yang telah berkhidmat dalam suatu jawatankuasa sedemikian atau telah mengambil bahagian dalam kerja sedemikian atau telah melaksanakan misi sedemikian kekebalan-kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kelima.

(2) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud seksyen ini sama ada yang am pemakaiannya atau yang berhubungan dengan—

- (a) organisasi-organisasi antarabangsa tertentu;
- (b) pegawai-pegawai tertentu atau golongan-golongan pegawai tertentu;
- (c) persidangan-persidangan, jawatankuasa-jawatankuasa atau misi-misi tertentu atau golongan-golongan persidangan, jawatankuasa atau misi tertentu; atau
- (d) wakil-wakil negara-negara tertentu atau organisasi-organisasi antarabangsa tertentu atau organisasi-organisasi seberang laut tertentu.

(3) Jika, melalui peraturan-peraturan, apa-apa keistimewaan atau kekebalan diberikan kepada seseorang yang ditauliahkan kepada, atau yang hadir di suatu persidangan antarabangsa yang diadakan oleh, suatu organisasi antarabangsa sebagai wakil—

- (a) suatu negara selain daripada Malaysia;
- (b) suatu organisasi antarabangsa yang lain; atau
- (c) suatu organisasi seberang laut,

orang itu adalah berhak mendapat keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang sama semasa dalam perjalanan ke sesuatu tempat bagi maksud mengemukakan tauliahnya atau menghadiri persidangan itu atau semasa dalam perjalanan pulang dari sesuatu tempat selepas dia tidak lagi ditauliahkan sedemikian atau selepas menghadiri persidangan itu.

(4) Jika, melalui peraturan-peraturan, apa-apa keistimewaan atau kekebalan diberikan kepada seseorang yang sedang berkhidmat dalam sesuatu jawatankuasa, atau sedang mengambil bahagian dalam kerja, suatu organisasi antarabangsa atau yang sedang melaksanakan suatu misi bagi pihak organisasi itu sama ada seorang diri atau bersama dengan orang lain, orang itu adalah berhak mendapat keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang sama semasa dalam perjalanan ke sesuatu tempat bagi maksud berkhidmat dalam jawatankuasa itu atau mengambil bahagian dalam kerja itu atau melaksanakan misi itu atau semasa dalam perjalanan pulang dari sesuatu tempat selepas berkhidmat dalam jawatankuasa itu atau mengambil bahagian dalam kerja itu atau melaksanakan misi itu.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (6), jika, melalui peraturan-peraturan atau melalui subseksyen (3), apa-apa keistimewaan atau kekebalan diberikan kepada seseorang yang menjadi, atau yang pernah menjadi, orang yang ditauliahkan kepada, atau yang hadir di sesuatu persidangan antarabangsa yang diadakan oleh, sesuatu organisasi antarabangsa sebagai wakil—

- (a) sesuatu negara selain daripada Malaysia;
- (b) sesuatu organisasi antarabangsa yang lain; atau
- (c) sesuatu organisasi seberang laut,

maka seseorang yang menjadi, atau yang pernah dalam apa-apa tempoh menjadi, anggota kakitangan rasmi orang yang mula-mula disebut itu adalah berhak, berkenaan dengan tempoh itu, mendapat keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang sama.

(6) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Menteri melalui peraturan-peraturan, seseorang yang menjadi atau yang pernah menjadi wakil—

- (a) sesuatu negara selain daripada Malaysia;
- (b) suatu organisasi antarabangsa; atau
- (c) suatu organisasi seberang laut,

ORGANISASI ANTARABANGSA11  
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN)

atau anggota kakitangan rasmi wakil sedemikian dalam tempoh semasa dia menjadi seorang warganegara Malaysia tidaklah berhak di bawah seksyen ini atau di bawah peraturan-peraturan mendapat apa-apa keistimewaan atau kekebalan, kecuali berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil atau anggota sedemikian.

5. (1) Jika—

- (a) suatu persidangan antarabangsa sedang atau akan diadakan di Malaysia; atau
- (b) suatu misi dihantar atau akan dihantar oleh—
  - (i) sesuatu negara selain daripada Malaysia; atau
  - (ii) sesuatu organisasi antarabangsa atau sesuatu organisasi seberang laut,

ke Malaysia,

dan Menteri mendapati bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini selain daripada seksyen ini tidak, atau mungkin tidak, terpakai berhubungan dengan persidangan atau misi itu tetapi adalah wajar keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan diplomatik terpakai berhubungan dengan persidangan atau misi itu, maka peraturan-peraturan boleh mengisytiharkan persidangan atau misi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, rnenjadi persidangan atau misi yang baginya seksyen ini terpakai,

(2) Tertakluk kepada subseksyen 11(3), 11(4) dan 11(5) dan kepada subseksyen (3) seksyen ini, jika sesuatu persidangan atau misi telah diisytiharkan melalui peraturan-peraturan menjadi suatu persidangan atau misi yang baginya seksyen ini terpakai, maka—

- (a) seseorang yang menjadi, atau yang pernah menjadi, wakil—
  - (i) suatu negara selain daripada Malaysia; atau
  - (ii) suatu organisasi antarabangsa atau suatu organisasi seberang laut,

Keistimewaan dan kekebalan wakil yang menghadiri persidangan antarabangsa tertentu atau yang terlibat dalam misi di Malaysia.

di persidangan atau dalam misi itu adalah, berkenaan dengan tempoh dia menjadi, atau pernah menjadi, wakil sedemikian, berhak mendapat keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Ketiga;

- (b) seseorang yang menjadi, atau pernah menjadi, anggota kakitangan rasmi orang yang disebutkan dalam perenggan (a) selama keseluruhan atau apa-apa bahagian tempoh yang disebutkan dalam perenggan itu adalah berhak mendapat keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Ketiga berkenaan dengan tempoh itu, atau bahagian tempoh itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (c) dalam hal sesuatu persidangan antarabangsa, seseorang yang menjadi, atau yang pernah menjadi, anggota suatu urusetia yang ditubuhkan bagi maksud-maksud persidangan itu adalah berhak mendapat kekebalan daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan atas sifatnya sebagai anggota sedemikian.

(3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Menteri melalui peraturan-peraturan, seseorang yang hadir, atau yang pernah hadir, di sesuatu persidangan antarabangsa, atau yang terlibat dalam sesuatu misi, yang baginya seksyen ini terpakai, sebagai wakil atau sebagai anggota kakitangan rasmi seseorang wakil—

- (a) suatu negara selain daripada Malaysia; atau
- (b) suatu organisasi antarabangsa,

dalam tempoh semasa dia menjadi warganegara Malaysia, tidaklah berhak di bawah subseksyen (2) mendapat apa-apa keistimewaan atau kekebalan berkenaan dengan tempoh itu, kecuali berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang

dilakukan atas sifatnya sebagai wakil atau anggota sedemikian.

6. Menteri boleh melalui peraturan-peraturan member!—

- (a) hakim-hakim, pengapit-pengapit dan pegawai-pegawai Mahkamah Keadilan Antarabangsa yang ditubuhkan oleh Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu;
- (b) orang-orang yang terlibat dalam misi-misi dengan perintah Mahkamah itu;
- (c) ejen-ejen, peguambela-peguambela dan peguam negara-negara yang menjadi pihak-pihak dalam kes-kes di hadapan Mahkamah itu; dan
- (d) saksi-saksi dalam kes-kes di hadapan Mahkamah itu,

Keistimewaan dan kekebalan hakim dan pegawai dan orang yang terlibat dalam urusan di hadapan, Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang perlu bagi memberikan kuatkuasa kepada Statut Mahkamah itu dan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan semasa melaksanakan fungsi-fungsi niereka berkaitan dengan urusan Mahkamah itu sebagaimana yang perlu bagi memberikan kuatkuasa kepada mana-mana resolusi, atau konvensyen atau perjanjian yang diluluskan oleh, Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

7. (1) Menteri boleh memberikan perakuan secara bertulis yang memperakui mana-mana fakta yang berhubungan dengan persoalan sama ada seseorang itu adalah, atau telah pada bila-bila masa atau berkenaan dengan apa-apa tempoh, berhak, menurut kuasa Akta ini atau peraturan-peraturan, mendapat apa-apa keistimewaan atau kekebalan.

Perakuan oleh Menteri.

(2) Dalam apa-apa prosiding, sesuatu perakuan yang diberikan di bawah seksyen ini adalah keterangan bagi fakta-fakta yang diperakui.

Penarikan balik keistimewaan dan kekebalan wakil negara yang tidak memberikan layanan salingan.

8. Jika Menteri berpuas hati bahawa orang-orang, atau anggota-anggota kakitangan rasmi orang-orang, yang mewakili Malaysia di sesuatu persidangan antarabangsa di sesuatu negara tidak akan menerima, di negara itu, keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang bersamaan dengan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang diberikan di Malaysia oleh Akta ini atau peraturan-peraturan kepada orang-orang, atau kepada anggota-anggota kakitangan rasmi orang-orang, yang mewakili negara itu, Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menarik balik semua atau mana-rnana keistimewaan dan kekebalan itu daripada wakil-wakil, atau daripada anggota-anggota kakitangan rasmi wakil-wakil, negara itu.

Perlindungan bagi nama, dll., organisasi antarabangsa.

9. (1) Kecuali dengan keizinan secara bertulis daripada Menteri, seseorang (termasuk sesuatu pertubuhan perbadanan) tidak boleh—

- (a) menggunakan nama atau singkatan nama sesuatu organisasi antarabangsa berkaitan dengan sesuatu perdagangan, perniagaan, profesion, mata pencarian atau pekerjaan; atau
- (b) menggunakan—
  - (i) meterai, lambang atau rekabentuk yang sama dengan meterai atau lambang sesuatu organisasi antarabangsa;
  - (ii) meterai, lambang atau rekabentuk yang menyamai meterai atau lambang rasmi sesuatu organisasi antarabangsa sedemikian hampirnya sehingga ia mungkin dikelirukan dengan meterai atau lambang itu; atau
  - (iii) meterai, lambang atau rekabentuk yang mungkin dianggap meterai atau lambang rasmi sesuatu organisasi antarabangsa.

(2) Jika, tanpa keizinan secara bertulis daripada Menteri, nama atau singkatan nama sesuatu organisasi

antarabangsa atau meterai, lambang atau rekabentuk yang disebut dalam perenggan (1)(b)—

- (a) digunakan sebagai, atau sebagai sebahagian daripada, nama, meterai atau lambang sesuatu persatuan;
- (b) digunakan sebagai, atau sebagai sebahagian daripada, nama atau lambang sesuatu akhbar atau majalah yang dipunyai oleh, atau diterbitkan oleh atau bagi pihak, sesuatu persatuan; atau
- (c) digunakan oleh sesuatu persatuan berkaitan dengan apa-apa aktiviti persatuan itu supaya dapat membayangkan bahawa persatuan itu ada kaitan, dengan apa-apa cara jua, dengan organisasi itu,

maka—

- (aa) jika persatuan itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, pertubuhan perbadanan itu; atau
- (bb) jika persatuan itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, tiap-tiap anggota badan pengelola persatuan itu,

adalah melakukan kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(3) Tiada seorang pun boleh disabitkan atas suatu kesalahan terhadap seksyen ini berkenaan dengan penggunaan singkatan nama sesuatu organisasi antarabangsa jika penggunaan itu berlaku dalam keadaan-keadaan atau berhubungan dengan perkara-perkara yang tidak mungkin dianggap membayangkan apa-apa kaitan dengan organisasi itu, melainkan jika pihak pendakwa membuktikan bahawa penggunaan itu dimaksudkan untuk membayangkan kaitan sedemikian.

(4) Pensabitan seseorang atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini berkenaan dengan penggunaan

sesuatu nama, singkatan nama, meterai, lambang atau rekabentuk tidak menghalang pensabitan orang itu kemudiannya berkenaan dengan penggunaan nama, singkatan, meterai, lambang atau rekabentuk itu pada bila-bila masa selepas pensabitan yang mula-mula disebut itu.

(5) Bagi maksud-maksud seksyen ini—

- (a) apa-apa gabungan perkataan atau huruf, atau perkataan dan huruf kedua-keduanya, yang dapat difahami sebagai merujuk kepada suatu organisasi antarabangsa hendaklah disifatkan sebagai singkatan nama organisasi itu; dan
- (b) jika sesuatu meterai atau lambang telah diisytiharkan melalui peraturan-peraturan menjadi meterai atau lambang rasmi suatu organisasi antarabangsa, meterai atau lambang itu hendaklah dianggap sebagai meterai atau lambang rasmi organisasi itu.

(6) Prosiding di bawah seksyen ini tidak boleh dimulakan tanpa keizinan secara bertulis daripada Peguam Negara.

Kebenaran  
memegang  
tanah di  
Persekutuan.

**10.** (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang yang berlawanan, adalah sari bagi tanah di mana-mana bahagian Persekutuan atau apa-apa kepentingan mengenai tanah itu diberikan, diberimilikan, dipajakan atau dipindahmilikkan kepada atau dipunyai atau dipegang oleh sesuatu organisasi antarabangsa bagi maksud-maksud organisasi itu atau kediaman-kediaman atau pejabat-pejabat mana-mana orang yang dinyatakan dalam mana-mana peraturan yang dibuat di bawah perenggan 4(1)(b) dan 4(1)(d).

(2) Jika menurut kuasa subseksyen (1) adalah sah bagi tanah atau sesuatu kepentingan mengenai tanah diberikan, diberimilikan, dipajakan atau dipindahmilikkan kepada atau dipunyai atau dipegang oleh sesuatu organisasi antarabangsa, maka tanah atau

kepentingan itu boleh diberikan, diberimilikan, dipajakan atau dipindahmilikkan kepada atau dipunyai atau dipegang oleh organisasi itu atas namanya atau bagi pihaknya kepada atau oleh mana-mana orang yang dinamakan bagi maksud-maksud subseksyen ini sama ada pada amnya atau dalam sesuatu hal tertentu melalui surat yang dialamatkan kepada Menteri oteh atau bagi pihak organisasi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan organisasi atau orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah didaftarkan sewajarnya sebagai tuan punya, penerima pajak atau selainnya, mengikut kehendak keadaan, dalam apa-apa daftar yang disimpan di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara. 56/1965.

(3) Bagi maksud apa-apa urusan mengenai apa-apa tanah atau kepentingan mengenai apa-apa tanah yang terletak atas nama sesuatu organisasi antarabangsa, mana-mana orang yang diberikuasa bagi maksud-maksud subseksyen ini sama ada pada amnya atau dalam sesuatu hal tertentu melalui surat yang dialamatkan kepada Menteri oleh atau bagi pihak organisasi itu boleh, oleh sebab pemberikuasaan itu, menyempurnakan semua atau mana-mana suratcara dan melakukan apa-apa perbuatan atau perkara bagi memberikan kuatkuasa kepada apa-apa urusan mengenai tanah sedemikian bagi pihak organisasi itu mengikut cara yang sama dan setakat yang serupa seolah-olah orang itu telah diberikuasa untuk berbuat demikian oleh suatu surat kuasa wakil yang sah yang dihantarserah dengan sewajarnya di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara.

11. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan tujuan-tujuan Akta ini dan bagi menetapkan semua perkara yang dikehendaki atau dibenarkan ditetapkan oleh Akta ini. Peraturan.

(2) Khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh—

(a) membuat peruntukan-peruntukan bagi atau berhubung dengan penepian apa-apa

keistimewaan atau kekebalan yang berhak didapati oleh sesuatu organisasi antarabangsa atau seseorang menurut kuasa Akta ini;

- (b) membuat peruntukan-peruntukan bagi memberikan kuatkuasa kepada maksud-maksud seksyen 7.

(3) Walau apa pun peruntukan-peruntukan seksyen 4 dan 5, peraturan-peraturan yang memberikan apa-apa keistimewaan atau kekebalan berkenaan dengan perkara-perkara yang baginya pada masa ini Menteri Kewangan bertanggungjawab tidak boleh dibuat tanpa persetujuannya.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 4 atau 5 tidak boleh memberi mana-mana orang yang disebut dalam subperenggan 4(1)(c)(i) atau dalam subseksyen 4(3) atau dalam subseksyen 5(2) apa-apa kekebalan berkenaan dengan sesuatu tindakan sivil yang berbangkit daripada sesuatu kemalangan yang disebabkan oleh kenderaan motor atau alat pengangkutan yang lain yang dipunyai atau dipandu oleh orang itu, atau berkenaan dengan sesuatu kesalahan lalulintas yang melibatkan orang itu dan dilakukan oleh orang itu.

(5) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 4 atau 5 tidak boleh memberi mana-mana orang atau organisasi apa-apa keistimewaan atau kekebalan yang lebih luas daripada keistimewaan-keistimewaan atau kekebalan-kekebalan yang, pada masa peraturan-peraturan itu dibuat, diberikan atau dikehendaki diberikan kepada orang atau organisasi itu untuk memberikan kuatkuasa kepada mana-mana perjanjian antarabangsa bagi maksud itu.

Pemansuhan  
dan pindaan.  
ord. 5311957.

**12.** Peruntukan-peruntukan Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957 adalah dipinda—

- (a) dengan memansuhkan Bahagian III Ordinan itu; dan  
(b) mengikut cara dan setakat yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 4)

KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN ORGANISASI  
ANTARABANGSA

1. Kekebalan organisasi, dan kekebalan harta dan aset-aset organisasi, atau harta dan aset dalam jagaan atau yang ditadbirkan oleh organisasi, daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang.
2. Ketakbolehcabulan harta dan aset-aset organisasi, atau harta dan aset-aset dalam jagaan atau yang ditadbirkan oleh organisasi, dan premis organisasi atau premis yang dihuni oleh organisasi.
3. Ketakbolehcabulan arkib.
4. Tertakluk kepada seksyen 4 Akta Kawalan Pertukaran 1953, *Akta 17* pengecualian daripada sekatan-sekatan mata wang dan pertukaran.
5. Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan bagi melindungi hasil, pengecualian daripada semua duti dan cukai atas—
  - (a) barang-barang yang diimport atau dieksport oleh organisasi bagi kegunaan rasminya;
  - (b) barang-barang buatan tempatan yang diperolehi oleh organisasi bagi kegunaan rasminya; dan
  - (c) penerbitan-penerbitan rasmi organisasi yang diimport atau dieksport olehnya.
6. Pengecualian daripada cukai pendapatan dan cukai-cukai pendapatan tambahan atas pendapatan organisasi atau cukai keuntungan harta tanah atas keuntungan daripada pelupusan harta-harta organisasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, setakat yang ia diperolehi daripada atau diurusniagakan dalam bidang aktiviti-aktiviti rasminya.
7. Pengecualian daripada duti-duti setem yang pada biasanya kena dibayar oleh organisasi.
8. Pengecualian daripada larangan-larangan dan sekatan-sekatan terhadap pengimportan atau pengeksportan—
  - (a) barang-barang yang diimport atau dieksport oleh organisasi bagi kegunaan rasminya; dan
  - (b) penerbitan-penerbitan organisasi yang diimport atau dieksport olehnya.

9. Ketiadaan penapisan bagi surat-menyurat rasmi dan komunikasi-komunikasi rasmi yang lain.

10. Hak menggunakan kod dan menghantar dan menerima surat-surat dan menghantar dan menerima kertas-kertas dan dokumen-dokumen lain melalui kurir atau dalam beg-beg bermeterai, dan mendapatkan mana-mana kurir atau beg sedemikian dikira sebagai kurir diplomatik atau beg diplomatik, mengikut mana-mana yang berkenaan.

## JADUAL KEDUA

(Seksyen 4)

### BAHAGIAN I

#### KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN PEGAWAI TINGGI ORGANISASI ANTARABANGSA

Keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang serupa (termasuk keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan berkenaan dengan suami atau isteri dan anak-anak yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun) dengan yang diberikan kepada seseorang ketua utusan.

### BAHAGIAN II

#### KEKEBALAN BEKAS PEGAWAI TINGGI ORGANISASI ANTARABANGSA

Kekebalan daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang yang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian.

## JADUAL KETIGA

(Seksyen 4)

### BAHAGIAN I

#### KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN WAKIL YANG DITAUHIAHKAN KEPADA, ATAU YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN YANG DIADAKAN OLEH, ORGANISASI ANTARABANGSA

1. Kekebalan daripada penangkapan atau penahanan diri.
2. Kekebalan daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil sedemikian.

3. Ketakbolehcabulan kertas-kertas dan dokumen-dokumen.
4. Hak menggunakan kod dan menghantar dan menerima surat-surat dan menghantar dan menerima kertas-kertas dan dokumen-dokumen lain melalui kurir atau dalam faeg-beg bermeterai.
5. Pengecualian (termasuk pengecualian bagi suami atau isteri wakil) daripada pemakaian undang-undang yang berhubungan dengan imigresen, pendaftaran *alien* dan obligasi melaksanakan perkhidmatan negara.
6. Pengecualian daripada sekatan-sekatan mata wang atau pertukaran setakat yang dibenkan kepada wakil sesuatu kerajaan asing yang melaksanakan misi sementara bagi pihak kerajaan itu.
7. Keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan, yang bukan daripada jenis yang disebutkan dalam mana-mana perenggan yang terdahulu, yang serupa dengan yang diberikan kepada seseorang ketua utusan, selain daripada pengecualian daripada—
  - (a) duti eksais;
  - (b) cukai jualan; dan
  - (c) duti atas pengimportan atau pengeksporan barang-barang yang tidak menjadi sebahagian daripada bagasi persendirian.

## BAHAGIAN II

### KEKEBALAN BEKAS WAKIL YANG TELAH DITAULIAHKAN KEPADA, ATAU YANG TELAH MENGHADIRI PERSIDANGAN YANG DIADAKAN OLEH, ORGANISASI ANTARABANGSA

Kekebalan daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil sedemikian.

## JADUAL KEEMPAT

(Seksyen 4)

## BAHAGIAN I

### KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN PEGAWAI (SELAIN DARIPADA PEGAWAI TINGGI) ORGANISASI ANTARABANGSA

1. Kekebalan daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian.

2. Pengecualian daripada cukai pendapatan atas gaji dan emolumen rasmi yang diterima daripada organisasi
3. Pengecualian (termasuklah pengecualian suami atau isteri dan anak-anak yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun) daripada pemakaian undang-undang yang berhubungan dengan imigresen dan pendaftaran alien.
4. Pengecualian daripada obligasi melaksanakan perkhidmatan negara.
5. Pengecualian daripada sekatan-sekatan mata wang atau pertukaran setakat yang diberikan kepada pegawai yang sebanding pangkatnya yang menganggotai sesuatu misi diplomatik.
6. Kemudahan-kemudahan repatriasi (termasuk kemudahan-kemudahan repatriasi bagi suami atau isteri dan mana-mana saudara tanggungan) semasa berlakunya krisis antarabangsa.
7. Hak untuk mengimport perabot dan barang-barang peribadi, termasuk satu kenderaan motor, tanpa dikenakan duti semasa mula-mula menjawat sesuatu jawatan di Malaysia dan untuk mengeksport perabot dan barang-barang peribadi tanpa dikenakan duti dan cukai semasa meninggalkan Malaysia apabila tamat fungsi-fungsinya.

## BAHAGIAN II

### KEKEBALAN BEKAS PEGAWAI (SELAIN DARIPADA PEGAWAI TINGGI) ORGANISASI ANTARABANGSA

Kekebalan daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian.

## JADUAL KELIMA

(Seksyen 4)

### BAHAGIAN I

#### KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN ORANG YANG BERKHIDMAT DALAM JAWATANKUASA ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM KERJA, ATAU MELAKSANAKAN MISI BAGI PIHAK, ORGANISASI ANTARABANGSA

1. Kekebalan daripada penangkapan atau penahanan diri.
2. Kekebalan daripada guaman atau proses lain undang-undang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan semasa berkhidmat dalam jawatankuasa, mengambil bahagian dalam kerja atau melaksanakan misi.

3. Ketakbolehcabulan kertas-kertas dan dokumen-dokumen.
4. Hak, bagi maksud berkomunikasi dengan organisasi, untuk menggunakan kod dan untuk menghantar dan menerima surat-surat dan menghantar dan menerima kertas-kertas dan dokumen-dokumen lain melalui kurir atau dalam beg-beg bermeterai.
5. Pengecualian daripada sekatan-sekatan mata wang atau pertukaran setakat yang diberikan kepada wakil sesuatu kerajaan asing yang melaksanakan misi sementara bagi pihak kerajaan itu.
6. Keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang serupa berkenaan dengan bagasi peribadi dengan yang diberikan kepada seseorang ketua utusan.

## BAHAGIAN II

### KEKEBALAN ORANG YANG TELAH BERKHIDMAT DALAM JAWATANKUASA ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM KERJA, ATAU MELAKSANAKAN MISI BAGI PIHAK. ORGANISASI ANTARABANGSA

Kekebalan daripada guaman dan daripada proses lain undang-undang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan dan perkara-perkara yang dilakukan semasa berkhidmat dalam jawatankuasa, mengambil bahagian dalam kerja atau melaksanakan misi.

## JADUAL KEENAM

(Seksyen 12)

### PINDAAN ORDINAN KEISTIMEWAAN DIPLOMATIK DAN KONSULAR 1957

<i>Seksyen</i>	<i>Pindaan</i>
2	Potong takrif perkataan-perkataan "international organisation".
9	(1) Dalam subseksyen (1), potong perenggan (b). (2) Dalam subseksyen (2)— (a) potong perfcataan-perkataan "or by an international organisation";

*Seksyen**Pindaan*

- (b) gantikan perkataan-perkataan "such sovereign, government or organisation" di mana-mana jua ia terdapat dengan perkataan-perkataan "such sovereign or government";
  - (c) gantikan perkataan-perkataan "such sovereign, government, organisation or person" dengan perkataan-perkataan "such sovereign, government or person";
  - (d) gantikan perkataan-perkataan "Land Code of the Federated Malay States or of any Jaw relating to land corresponding thereto in force in any other State" dengan perkataan-perkataan "National Land Code"; dan
  - (e) gantikan rujukan birai "F.M.S. Cap. 138." dengan rujukan birai "56/1965",
- (3) Dalam subseksyen (5)—
- (a) gantikan perkataan-perkataan "any sovereign, government or international organisation" dengan perkataan-perkataan "any sovereign or government";
  - (b) gantikan perkataan-perkataan "such sovereign, government or organisation" di mana-mana jua ia terdapat dengan perkataan-perkataan "such sovereign or government";
  - (c) gantikan perkataan-perkataan "Land Code of the Federated Malay States or of any law relating to land corresponding thereto in force in any State" dengan perkataan-perkataan "National Land Code or any law in force"; dan
  - (d) gantikan rujukan birai "F.M.S. Cap. 138." dengan rujukan birai "56/1965".

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan organisasi-organisasi antarabangsa.

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang memperkatakan perkara-perkara perrnulaan manakala *fasal 2* memberikan takrif pelbagai istilah yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang bertujuan membolehkan Menteri mengisytiharkan, melalui peraturan-peraturan, pelbagai kategori organisasi yang akan dikira sebagai organisasi-organisasi antarabangsa bagi maksud-maksud perundangan ini.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan membolehkan Menteri memberi organisasi-organisasi antarabangsa yang dikategorikan di bawah *fasal 3* keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang ditetapkan dalam jadual-jadual yang berkenaan dan memberi orang-orang yang melaksanakan kewajipan-kewajipan di organisasi-organisasi sedemikian, orang-orang yang ditauliahkan kepada atau yang menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa dan juga orang-orang yang berkhidmat dalam jawatankuasa-jawatankuasa atau mengambil bahagian dalam kerja sesuatu organisasi antarabangsa keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang dinyatakan dalam jadual-jadual yang berkenaan.

5. *Fasal 5* Rang Undang-Undang bertujuan membolehkan Menteri memberikan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang terhad jenisnya kepada orang-orang yang menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa atau dalam misi-misi yang dihantar ke Malaysia.

6. *Fasal 6* Rang Undang-Undang bertujuan memberikan kuasa kepada Menteri untuk memberi, melalui peraturan-peraturan, hakim-hakim dan pegawai-pegawai Mahkamah Keadilan Antarabangsa, orang-orang yang terlibat dalam misi-misi dengan perintah Mahkamah itu, ejen-ejen, peguambela-peguambela dan peguam-peguam negara-negara yang menjadi pihak-pihak dalam kes-kes di hadapan Mahkamah itu dan saksi-saksi dalam kes-kes di hadapan Mahkamah itu keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan yang perlu bagi memberikan kuatkuasa kepada Statut Mahkamah itu.

7. *Fasal 7* Rang Undang-Undang bertujuan memberikan kuasa kepada Menteri untuk mengeluarkan perakuan yang memperakui sama ada mana-mana orang berhak mendapat keistimewaan-keistimewaan atau kekebalan-kekebalan di bawah Rang Undang-Undang, bagi maksud-maksud keterangan.

8. *Fasal 8* Rang Undang-Undang bertujuan memberikan kuasa kepada Menteri untuk menarik balik keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan orang-orang yang mewakili sesuatu

negara yang tidak memberikan layanan bersaling kepada pegawai-pegawai atau orang-orang yang mewakili Malaysia di persidangan-persidangan antarabangsa yang diadakan di negara itu.

9. *Fasal 9* Rang Undang-Undang bertujuan menghalang seseorang daripada menggunakan nama atau singkatan nama, atau meterai, lambang, atau rekabentuk, sesuatu organisasi antarabangsa, atau sesuatu meterai, lambang atau rekabentuk yang dapat disangkakan meterai, lambang atau rekabentuk sesuatu organisasi antarabangsa, berkaitan dengan sesuatu perdagangan, perniagaan, profesion atau pekerjaan, kecuali dengan keizinan Menteri, dan adalah menjadi kesalahan jika penggunaan itu dibuat tanpa keizinan Menteri.

10. *Fasal 10* Rang Undang-Undang bertujuan memberi organisasi-organisasi antarabangsa kebenaran memegang tanah atau kepentingan mengenai tanah bagi maksud-maksud organisasi itu. Fasal yang sama juga membenarkan penetapan orang yang akan didaftarkan sebagai tuan punya atau penerima pajak tanah itu bagi pihak organisasi itu.

11. *Fasal 11* Rang Undang-Undang bertujuan memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan tujuan-tujuan Akta dan bagi maksud-maksud khusus yang tertentu yang dinyatakan di dalamnya.

12. *Fasal 12* Rang Undang-Undang bertujuan membuat peruntukan bagi pindaan-pindaan berbangkit yang kena dibuat kepada Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957.

13. Jadual Pertama hingga Jadual Kelima membuat peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan keistimewaan-keistimewaan dan kekebalan-kekebalan organisasi-organisasi dan juga orang-orang. Jadual Keenam menyatakan pindaan-pindaan berbangkit yang kena dibuat kepada Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular 1957.

#### *IMPLIKASI KEWANCAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1416.]